



CABARAN PENGGUNAAN LUGHATUL FASLI DALAM KALANGAN GURU PELATIH BAHASA ARAB DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

[THE CHALLENGES OF USING LUGHATUL FASLI AMONG ARABIC LANGUAGE TRAINEE TEACHERS AT SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY]

Muhammad Helmi Yakob & Mohammad Taufiq Abdul Ghani*

Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Corresponding Author: taufiq@fbk.upsi.edu.my

Received: 9/3/2024

Accepted: 29/7/2024

Published: 31/8/2024

Abstrak

Salah satu elemen dalam memastikan keberkesanan pengurusan kelas khususnya dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah ialah penggunaan *lughatul fasli*, atau bahasa pengendalian kelas. Elemen penggunaan *Lughatul Fasli* telah dimasukkan ke dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Sekolah Rendah (KSSR). Oleh itu kajian ini bertujuan untuk meneroka halangan yang dihadapi oleh guru pelatih bahasa Arab Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam mempraktikkan penggunaan *lughatul fasli* dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneroka isu ini yang melibatkan 25 guru pelatih bahasa Arab yang dipilih melalui pensampelan bertujuan. Temu bual separa berstruktur digunakan sebagai alat pengumpulan data. Analisis tematik telah dijalankan dengan menggunakan perisian Atlas.ti dan hasil dapatan menunjukkan tiga cabaran utama dalam penggunaan *lughatul fasli* dalam kalangan guru pelatih iaitu: halangan yang dihadapi guru pelatih dalam menggunakan *lughatul fasli*, inisiatif mereka untuk mengatasi cabaran ini, dan jangkaan mereka terhadap pelajar. Walaupun menghadapi cabaran yang ketara, strategi inovatif guru pelatih menunjukkan kebolehsuaian dan komitmen untuk mengoptimumkan proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini merumuskan bahawa pengurusan kelas yang berkesan juga memerlukan penggunaan *lughatul fasli* yang baik dalam kalangan guru pelatih bagi memupuk persekitaran pembelajaran bahasa Arab.

Kata kunci: *lughatul fasli, bahasa pengendalian kelas, bahasa Arab, guru pelatih, pengajaran dan pembelajaran*

Abstract

The utilisation of Lughatul Fasli, also known as classroom management language, is a crucial factor in promoting the efficacy of class management, particularly in the context of teaching Arabic at educational institutions. The Standard Curriculum of Secondary (KSSM) and Elementary Schools (KSSR) has included components related to the utilisation of Lughatul Fasli. Hence, the primary objective of this research is to investigate the challenges encountered by Arabic language training teacher at Sultan Idris Education University when implementing the use of Lughatul Fasli in instructional and educational sessions. The research employed a qualitative methodology to investigate this matter, encompassing a sample of 25 Arabic language training teachers who were selected using purposive sampling techniques. Semi-structured interviews serve as valuable instruments for data collecting. Thematic analysis was conducted utilising Atlas.ti software, revealing three primary challenges encountered by training teachers in the utilisation of Lughatul Fasli. These challenges encompass the barriers faced by coaches in implementing Lughatul Fasli, their efforts to surmount these challenges, and their expectations of students. Despite encountering substantial obstacles, the unique approach employed by coach teachers showcases their capacity and dedication to enhance the pedagogical and educational experience. This study posits that the establishment of an effective classroom management system necessitates the proficient utilisation of the Fasli Lughatul by training teachers, with the aim of cultivating an environment conducive to Arabic language learning.

Keywords: *lughatul fasli, classroom management language, Arabic language, training teachers, teaching and learning*

Cite as: Yakob, M. H. & Abdul Ghani, M. T. (2024). Cabaran Penggunaan Lughatul Fasli dalam Kalangan Guru Pelatih Bahasa Arab di Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Afaq Lughawiyyah*, 2(2), 339-351. <https://doi.org/10.37231/afaq.2024.2.2.85>

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

PENDAHULUAN

Perkembangan pembelajaran bahasa Arab pada hari ini semakin rancak diperkatakan. Menguasai bahasa asing merupakan nilai tambah kepada pelajar bagi memenuhi keperluan dunia globalisasi ini. Justeru, perancangan dan perubahan kurikulum yang dilakukan adalah untuk memastikan murid-murid dapat memahami dan menguasai pelajaran. Keberkesanan pengajaran bahasa Arab di sekolah adalah bergantung kepada keupayaan dan peranan guru bahasa Arab dalam bilik darjah untuk mencapai matlamat dan objektif kurikulum bahasa Arab yang telah digubal (Yaakob et al., 2018).

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kefahaman terhadap isi kandungan mata pelajaran merupakan perkara yang sangat penting dalam proses pembelajaran (Yaakob et al., 2018). Oleh yang demikian, guru dikehendaki untuk menerangkan kandungan pelajaran kepada pelajar sehingga mereka mampu untuk memahami perkara tersebut. Dalam masa yang sama, pelajar juga hendaklah menumpukan perhatian dan menghayati proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung. Ketika ini, *lughatul fasli* sebagai istilah dan ungkapan yang akan sentiasa berlegar dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan didedahkan secara langsung kepada pelajar. Dengan pengulangan yang berlaku, pelajar akan mula

mengingati dan memahami arahan dan tindakan sebagaimana yang dikehendaki oleh guru mereka (Izuddin, 2015). Namun, kesedaran guru terhadap kepentingan *lughatul fasli* masih berada di tahap sederhana (Mahadi, 2019).

Penggunaan *lughatul fasli* juga secara tidak langsung akan mengubah suasana pengajaran dan pembelajaran yang kebiasaannya hanya berpusatkan kepada guru. Melalui pendekatan *lughatul fasli*, interaksi dua hala lebih mudah berlaku dan para pelajar akan mengambil bahagian dalam aktiviti PdPc (Yaakob et al. 2018). Oleh yang demikian, proses pengajaran dan pembelajaran tidak lagi berpusatkan guru dan pendekatan ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengalami pembelajaran yang bermakna. Menurut kajian Mahadi (2019), sikap guru terhadap penggunaan *lughatul fasli* mempunyai hubungan korelasi yang kuat dengan pengetahuan guru terhadap *lughatul fasli*. Dengan erti kata lain, guru akan menggunakan *lughatul fasli* jika mereka mempunyai pengetahuan yang tinggi.

Lughatul fasli dianggap mampu untuk menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi sebenar. Louwerse (2001) dalam kajiannya beliau berpendapat bahawa *lughatul fasli* juga akan melibatkan pelajar secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan menjadi satu bahasa yang aktif dalam kemahiran belajar. Namun begitu, masih ramai dalam kalangan guru pelatih lemah dalam menguasai *lughatul fasli* dari aspek jenis, penggunaan dan strategi untuk mengaplikasikannya dalam kelas dengan baik serta tepat. Guru pelatih di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menghadapi permasalahan dalam penggunaan *lughatul fasli* dengan baik dan tepat. Hal ini telah mendorong pengkaji untuk mengkaji masalah tersebut.

Antara permasalahan yang sering dihadapi oleh guru pelatih dalam penggunaan *lughatul fasli* ialah guru pelatih tidak menguasai jenis *lughatul fasli* dengan baik. Guru bahasa Arab itu sendiri yang tidak menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Arab dengan baik. Tambahan pula, guru pelatih juga menghadapi masalah dalam penggunaan *lughatul fasli* dengan baik terutama semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru boleh bertutur dalam bahasa Arab tetapi tidak menggunakan *lughatul fasli* dengan baik. Guru pelatih tidak lari daripada masalah sedemikian, ramai dalam kalangan mereka masih salah dalam penggunaan *lughatul fasli* khususnya dari aspek lajah Arab, makhraj huruf dan intonasi semasa mengaplikasikannya. Hal ini mendorong timbulnya cabaran yang dihadapi oleh guru semasa mengaplikasikan *lughatul fasli* dalam pengajaran bahasa Arab di dalam kelas.

Selain itu, ialah guru pelatih UPSI juga tidak menguasai strategi yang tepat untuk mengaplikasikan *lughatul fasli* semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (Yakob, 2023). Hal ini akan memberikan impak negatif kepada pelajar di mana akan menyebabkan pengajarannya sukar difahami oleh pelajar (Mohammad Ziyad & Saini, 2015). Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih UPSI dalam mengaplikasi penggunaan *lughatul fasli* semasa menjalani sesi praktikum di sekolah.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Marzano et al. (2001) mengemukakan definisi *lughatul fasli* sebagai bahasa yang difahami dalam kelas. Menurut pandangan mereka, *lughatul fasli* tidak hanya terbatas pada beberapa istilah atau ungkapan, tetapi meliputi semua bentuk perkataan dan ayat yang digunakan secara efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam mahupun di luar kelas. *Lughatul fasli* adalah interaksi verbal antara guru dan pelajar dalam kelas untuk mencapai matlamat pendidikan (Mior Syazril, 2015). Melalui latihan yang diberikan, pelajar-pelajar akan mulai mengakrabkan diri dengan lingkungan dan suasana berbahasa Arab, serta mendorong mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa tersebut. Hal ini juga akan meningkatkan kemampuan mereka dalam bahasa Arab. Dalam mengajar, guru perlu memilih *lughatul fasli* yang sesuai selaras dengan tahap dan kemampuan pelajar. Pada peringkat awal, penggunaan ungkapan dan frasa yang sederhana diperlukan untuk membangkitkan minat pelajar dalam bertutur dalam bahasa Arab. Seiring berjalannya waktu dan peningkatan keterampilan pelajar, guru dapat menggunakan ungkapan dan frasa yang lebih kompleks.

Mohamad Ziyad dan Saini (2017), beliau menyatakan bahawa *lughatul fasli* terbahagi kepada tujuh bahagian. Antaranya ialah ucapan salam dan selamat seperti صباح الخير، أهلاً وسهلاً، والسلام عليكم، كيف حالك. Ungkapan ini bertujuan untuk melatih pelajar dalam membiasakan diri dengan istilah-istilah sapaan yang tidak hanya digunakan di dalam kelas tetapi juga dalam kehidupan seharian. Ungkapan ini dianggap juga sebagai pembuka perbualan dan merupakan salah satu asas untuk memulakan komunikasi. Selain itu, ungkapan atau istilah yang kedua adalah ungkapan mudah harian seperti هل أنتم مستعدون. Ungkapan yang kedua ini merupakan kesinambungan daripada jenis yang pertama iaitu selepas daripada ungkapan sapaan. Di samping itu, terdapat juga jenis pujian dan peneguhan. Contohnya، ممتاز، أنت رائع، أحسنت، أنت طالب مجتهد. Ungkapan atau istilah ini bertujuan untuk memotivasikan mereka ketika berjaya menjalankan tugas dengan baik atau menjawab pertanyaan dengan benar. Memberikan pujian secara tidak langsung juga dapat meningkatkan keyakinan pelajar dalam bercakap dalam bahasa Arab.

Ungkapan yang keempat ialah suruhan dan arahan. Contohnya، أقعد، قم، امسح. Seterusnya ialah ungkapan yang kelima seperti لا تنس، لا تنم، لا تتكلم في سبورة، افتح الكتاب. Dua pembahagian ini adalah bertujuan untuk membiasakan pelajar dengan arahan yang ringkas untuk digunakan dalam kehidupan seharian. Hal tersebut dapat mewujudkan suasana dan persekitaran bahasa Arab yang penting untuk mengembangkan kemahiran bahasa dan tatabahasa seorang pelajar. Ungkapan yang keenam adalah penyoalan dan ungkapan. Contohnya، ما اسمك، اسمي...، من يعرف الإجابة، إجابتك. Akhir sekali adalah ungkapan untuk membetulkan kesilapan. Contohnya، أنا لا أوافقك، صحيحة. Ketujuh-tujuh jenis *Lughatul fasli* ini adalah bertujuan untuk membezakan penggunaan bahasa Arab dalam kelas dan juga dalam kehidupan seharian.

Komunikasi dua hala antara guru dan pelajar sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (Yakob, 2023; Mohamad Ziyad & Saini,

2017). Guru memiliki peranan penting dalam membantu pelajar memperoleh pemahaman yang baik dalam bahasa tersebut. Oleh itu, guru-guru perlu mampu berkomunikasi dalam *lughatul fasli* dengan lancar dan tepat. Ketika guru menggunakan bahasa Arab secara konsisten dalam kelas, hal ini memberikan peluang bagi para pelajar untuk terus terdedah kepada bahasa Arab setiap hari. Menurut Asbulah et al. (2019) beliau menyatakan bahawa mendengar secara konsisten setiap hari terhadap bahasa Arab meningkatkan kemampuan pelajar dalam menguasai bahasa tersebut. Namun, jika guru tidak menggunakan bahasa Arab di dalam kelas, hal ini dapat menghalang kemampuan komunikasi pelajar dalam bahasa Arab. Mereka akan menghadapi kesulitan dalam berinteraksi dan memahami bahasa Arab dengan baik.

Oleh yang demikian, baik guru mahupun pelajar perlu mengambil peranan aktif dalam memastikan komunikasi dua hala terjaga dengan baik. Guru perlu memaksimumkan penggunaan bahasa Arab dalam kelas, dengan menghadirkan situasi komunikatif yang melibatkan dialog, perbincangan, dan aktiviti kelompok dalam bahasa Arab. Hal ini akan memberikan peluang dan ruang kepada pelajar untuk berlatih berkomunikasi dalam bahasa Arab secara aktif dengan menggunakan *lughatul fasli*. Di samping itu, pelajar juga memiliki tanggung jawab untuk berusaha berkomunikasi dalam bahasa Arab. Mereka dapat berinteraksi dengan guru dan sesama pelajar dalam bahasa Arab, menggunakan sumber belajar bahasa Arab, dan mengambil inisiatif untuk meningkatkan kemampuan berbahasa Arab mereka di luar kelas.

KAJIAN LITERATUR

Penggunaan *lughatul fasli* adalah merujuk kepada perkataan atau ungkapan yang difahami secara umum, dalam konteks pendidikan dan menjadi langkah penting untuk memastikan kelancaran proses pembelajaran dan pengajaran. Proses komunikasi memainkan peranan yang penting dalam menghubungkan dua pihak yang terlibat dalam proses tersebut, iaitu guru sebagai penyampai dan pelajar sebagai penerima. Dalam kajian Ma'tuk (1996), beliau menyatakan bahawa dalam perkembangan tamadun manusia, proses ini ialah satu bentuk sosialisasi masyarakat dalam peradaban manusia dan merupakan satu kesinambungan tamadun. Menurut kajian lain Jefridin (2010) menyatakan tentang kebijaksanaan penyampai dan penerima merupakan kunci utama dalam komunikasi dalam memberikan maklum balas sama ada dalam bentuk lisan atau bukan lisan. Dalam hal sedemikian, penyampai iaitu guru hendaklah menggunakan pendekatan yang cekap, optimis, sesuai dalam menghadapi setiap penerima iaitu pelajar mereka yang akan datang kepada mereka dengan tindak balas yang berlainan.

Kajian yang dijalankan oleh Rosni (2007) pula membincang konteks ini adalah berkaitan interaksi dua hala yang berlaku antara guru dan pelajar akan membentuk sikap dan meningkatkan kemahiran insaniah mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, masih ramai dalam kalangan pelajar yang kekurangan kosa kata dan tidak mengetahui apa yang perlu diucapkan menyebabkan mereka tidak mengambil

bahagian dan tindak balas dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Arab, tetapi mereka masih ingin mempelajari dan berkomunikasi dalam bahasa Arab. Oleh yang demikian, *lughatul fasli* berperanan sebagai sumber perubahan dalam kelas untuk membantu pelajar dalam mengatasi masalah komunikasi bahasa Arab di samping meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur.

Mior Syazril (2015) dalam kajian beliau untuk melihat aplikasi *lughatul fasli* di sekolah rendah mendapati terdapat enam jenis *lughatul fasli* yang sering digunakan oleh guru ketika proses PdPc berlangsung. Dengan kaedah ini, guru dilihat mampu untuk berinteraksi dengan baik dan pelajar memberikan maklum balas yang responsif dengan penggunaan *lughatul fasli*. Hal ini juga secara tidak langsung melatih pelajar untuk berjinak-jinak dengan ungkapan mudah berbahasa Arab sejak di peringkat sekolah rendah yang akan membantu mereka pada masa akan datang.

Dalam kajian Mohamad Ziyad dan Saini (2015) terhadap amalan *lughatul fasli* dalam kalangan guru pelatih DPLI j-QAF di IPG mendapati mereka mempunyai kesedaran dan persediaan yang tinggi untuk mengaplikasikan *lughatul fasli* dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan menggunakan *lughatul fasli* secara konsisten dan efektif, melalui penggunaan ungkapan-ungkapan sederhana dalam proses pengajaran dan pembelajaran suasana pembelajaran dapat menjadi lebih hidup, kondusif, dan interaktif. Melalui cara ini, guru dapat menyampaikan isi kandungan pembelajaran dengan lancar melalui ungkapan dan perkataan yang mudah difahami dalam bahasa umum yang digunakan. Usaha ini juga disokong oleh sokongan pensyarah yang selalu membimbing para pelajar dalam meningkatkan kemampuan menggunakan *lughatul fasli*, terutama dalam mengendalikan kelas.

Mohamad Ziyad dan Saini (2015) dalam kajian mereka yang lain menyatakan aplikasi *lughatul fasli* secara ekspresif dan berkesan adalah kaedah yang baik dalam mewujudkan persekitaran komunikasi. Hasil kajian mereka juga menunjukkan terdapat tujuh jenis *lughatul fasli* yang sering digunakan oleh guru iaitu ucapan salam dan selamat, ungkapan mudah harian, pujian dan peneguhan, arahan dan suruhan, larangan, penyoalan dan ungkapan serta membetulkan kesilapan.

Pembangunan bahasa Arab di SABK juga semakin meningkat dengan perkembangan teknologi moden yang lebih interaktif terhadap pelajar. Walaubagaimanapun, peranan dan kemahiran bahasa guru juga perlu berada di tahap yang tinggi untuk memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Maimun Aqsha et al. (2014) dalam kajiannya terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam Kurikulum *Bu'uth* di SABK menyatakan di samping penggunaan bahan bantu mengajar (BBM), penggunaan teknik mengajar yang betul amat penting untuk memastikan pelajar mampu untuk memahami dan menyerap hasil pembelajaran bahasa Arab.

Dalam konteks ini, selain faktor-faktor luaran yang boleh mempengaruhi pembelajaran, perlu diberi perhatian kepada impak perasaan negatif yang mungkin timbul daripada pelajar itu sendiri. Antara perasaan tersebut termasuk rasa malu ketika bercakap, kurang keyakinan dalam kemahiran bertutur, dan lain-lain yang

mungkin menyebabkan pelajar enggan untuk aktif dalam sesi pembelajaran. Kajian oleh Mustafa Kamal et al. (2022) juga menekankan bahawa kehadiran perasaan-perasaan tersebut mungkin mencetuskan persepsi negatif dari rakan sebaya atau risiko menjadi bahan ketawa, yang seterusnya merencatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan kemahiran bertutur dalam proses pembelajaran. Oleh itu, memahami dan mengatasi perasaan negatif ini juga penting untuk mencipta persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif dan memberikan keyakinan kepada pelajar.

Menurut Izuddin (2015) dalam kajiannya untuk melihat keberkesanan penggunaan *lughatul fasli* dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berpandangan penguasaan *lughatul fasli* akan membantu guru untuk berkomunikasi dengan pelajar melalui perkataan dan ungkapan yang sesuai. Hasil kajian beliau mendapati pendekatan ini memberikan ruang yang secukupnya kepada pelajar untuk mengasah kemahiran mendengar dan bertutur mereka. Hashim et al. (2020) dalam kajian mereka mendapati dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, penggunaan dan penguasaan kosa kata di bilik darjah dapat dicapai dengan penggunaan *lughatul fasli*. Walau bagaimanapun, untuk penggunaan di luar bilik darjah, guru perlu mengubahsuai penggunaan *lughatul fasli* agar ia bersesuaian dengan situasi di luar bilik darjah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan melibatkan responden kajian seramai 25 orang guru pelatih bahasa Arab di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Responden kajian dipilih melalui teknik pensampelan bertujuan yang bertujuan, yang melibatkan pemilihan responden berdasarkan kriteria tertentu untuk memastikan latar belakang dan pengalaman memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Penyelidik dengan teliti mempertimbangkan ciri-ciri ini untuk mengumpul maklumat terperinci. Metodologi ini membolehkan penyelidik memperoleh data yang komprehensif dengan mempertimbangkan banyak perspektif responden. Ciri-ciri responden adalah seperti berikut:

1. Responden merupakan guru bahasa Arab di UPSI.
2. Responden telah menjalani latihan mengajar di sekolah.
3. Responden mampu untuk memberi komitmen sepanjang tempoh kajian dijalankan.
4. Responden tidak mempunyai apa-apa kepentingan terhadap kajian ini dan mana-mana pemegang taruh.

Sesi temu bual separa berstruktur dilaksanakan melalui penggunaan teknik kumpulan fokus, yang melibatkan lima hingga tujuh orang guru dalam setiap sesi. Durasi setiap sesi temu bual adalah antara 45 hingga 60 minit. Walaupun terdapat satu set soalan asas yang disediakan, sesi ini juga mengintegrasikan soalan tambahan

yang timbul selama proses temu bual berlangsung. Selesai sesi temu bual, proses analisis data dimulai dengan penyelidik mengatur dan menyediakan data untuk analisis. Ini termasuk transkripsi dari sesi temu bual separa berstruktur dan catatan-catatan yang dibuat oleh penyelidik. Penyelidik kemudian mengkaji secara menyeluruh set data untuk memperoleh pemahaman komprehensif tentang input yang diberikan oleh responden, menilai kedalaman dan kepercayaan data secara keseluruhan. Proses pengkodan atas dilakukan menggunakan perisian Atlas.ti, menjalankan analisis tematik dan pengelompokan data berdasarkan kategori-kategori relevan.

DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

Satu sesi temu bual separa berstruktur telah dijalankan ke atas 25 orang guru pelatih UPSI yang telah menjalani sesi praktikum. Tujuan utama sesi ini dijalankan adalah untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh para guru pelatih UPSI dalam mengaplikasikan penggunaan *lughatul fasli* sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Hasil dapatan dianalisis secara tematik dengan menggunakan perisian Atlas.ti. Hasil dapatan menunjukkan terdapat tiga cabaran utama iaitu halangan yang dihadapi oleh guru pelatih, inisiatif yang diambil oleh guru pelatih dan tanggapan guru pelatih terhadap pelajar.

Terdapat dua halangan utama yang dihadapi oleh guru pelatih dalam mengaplikasikan penggunaan *lughatul fasli* di dalam kelas iaitu sikap pelajar dan kekurangan kosa kata. Hasil dapatan menunjukkan antara cabaran atau halangan yang dihadapi oleh guru pelatih dalam menggunakan *lughatul fasli* semasa proses pembelajaran bahasa Arab ialah sikap pelajar. Sikap pelajar menjadi halangan kepada guru dalam menggunakan *lughatul fasli* semasa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas. Hal ini kerana, sikap pelajar seperti malu apabila guru bertanya menggunakan bahasa Arab. Mereka malu untuk menjawab menggunakan bahasa Arab kerana takut salah atau tidak tepat. Sikap negatif ini menjadi penghalang kepada guru pelatih untuk bertutur menggunakan *lughatul fasli* kerana tiada maklum balas yang diberikan oleh pelajar. Pelajar lebih cenderung untuk berdiam diri tanpa memberi maklum balas kepada guru yang telah memberikan arahan atau soalan di dalam bahasa Arab. Hal ini memberikan cabaran kepada guru pelatih untuk menggunakan *lughatul fasli* secara konsisten sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Beberapa penyelidikan yang dilakukan juga menunjukkan bahawa pelajar seringkali menghadapi cabaran dalam aspek kepercayaan diri untuk bertutur, kerana mereka khuatir terhadap kesalahan semasa bertutur (Zuraidah et al., 2016; Norsariha & Aliza, 2022). Tambahan pula, terdapat perasaan negatif yang dialami oleh pelajar, seperti rasa malu dalam bertutur dan kurang keyakinan, yang mungkin akan dilihat secara negatif oleh rakan sebaya (Norsariha & Aliza, 2022). Keadaan ini akan menyebabkan pelajar menjadi lebih takut untuk melibatkan diri dalam aktiviti semasa sesi pembelajaran di dalam kelas.

Halangan yang berikutnya ialah kekurangan kosa kata dalam kalangan pelajar. Guru pelatih menyatakan bahawa kekurangan kosa kata menjadi satu cabaran yang

signifikan dalam penggunaan *lughatul fasli* semasa sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Keterbatasan dalam kosa kata ini mengganggu kemampuan pelajar untuk memahami *lughatul fasli* yang diberikan oleh guru pelatih secara aktif di dalam kelas. Akibatnya, pelajar menjadi takut dan kurang yakin untuk menggunakan *lughatul fasli* ketika bertutur di dalam kelas. Dalam konteks ini, keupayaan untuk mengatasi kelemahan kosa kata perlu diberikan penekanan yang lebih besar untuk meningkatkan keberanian dan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Arab (Baharudin & Abdullah, 2023). Kesalahan struktur bahasa dan kosa kata dalam penggunaan *lughatul fasli* boleh memberi impak yang signifikan kepada pelajar. Antaranya, kesalahan struktur bahasa mungkin menyebabkan kekurangan kejelasan dan kefasihan dalam komunikasi. Pelajar mungkin mengalami kesulitan untuk menyampaikan maklumat dengan jelas, dan ini boleh menyebabkan kekeliruan dalam pemahaman antara pelajar dan guru.

Perbincangan mengenai halangan yang dihadapi oleh guru pelatih semasa menggunakan *lughatul fasli* dalam pembelajaran bahasa Arab merangkumi dua aspek utama. Pertama, sikap pelajar, di mana sikap negatif seperti rasa malu dan kekurangan keyakinan menghalang mereka daripada menggunakan *lughatul fasli* dengan lancar. Kedua, kekurangan kosa kata dalam kalangan pelajar juga menjadi halangan besar dalam penggunaan *lughatul fasli* yang berkesan menyebabkan gangguan kepada kemahiran berkomunikasi mereka. Oleh itu, penekanan terhadap memperbaiki sikap dan meningkatkan kosa kata adalah penting dalam mengatasi halangan ini dalam proses pembelajaran bahasa Arab.

Seterusnya cabaran yang dihadapi oleh guru pelatih ialah inisiatif guru pelatih dalam menghadapi kesukaran menggunakan *lughatul fasli* secara efektif sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Cabaran untuk menggunakan bahasa *lughatul fasli* secara berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, khususnya untuk guru pelatih, boleh dibahagikan kepada tiga perkara utama: kecekapan berbahasa, aplikasi pedagogi, dan perkaitan budaya.

Pertama, kecekapan linguistik dalam *lughatul fasli*, kepelbagaian struktur bahasa Arab, adalah asas dalam usaha meningkatkan produktiviti pengajaran (Baharudin & Abdullah, 2023). Guru pelatih mesti mempunyai pemahaman yang mendalam tentang sintaksis, kosa kata dan fonetik untuk proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Ini memerlukan bukan sahaja pendidikan formal tetapi juga pengalaman praktikal dengan bahasa tersebut. Cabaran di sini adalah dua kali ganda: memperoleh tahap kecekapan tinggi dalam bahasa yang bukan bahasa pertama guru pelatih, dan keupayaan untuk menggunakan elemen linguistik yang berbeza seperti yang diperlukan dalam konteks pendidikan, contohnya penggunaan kata nama bahasa Melayu dan bahasa Arab.

Kedua, penerapan pedagogi *lughatul fasli* dalam pengajaran bahasa Arab melibatkan integrasi kemahiran bahasa dengan metodologi pengajaran. Guru pelatih perlu merangka dan melaksanakan rancangan pengajaran yang bukan sahaja mengajar tatabahasa dan kosa kata bahasa Arab tetapi juga melibatkan pelajar mengaplikasi *lughatul fasli* secara aktif (Asbulah et al., 2019). Ini termasuk

mewujudkan aktiviti interaktif, menggunakan teknologi, dan memupuk persekitaran bilik darjah yang kondusif untuk pembelajaran bahasa. Cabarannya terletak pada menyesuaikan kaedah pengajaran untuk menampung ciri-ciri *lughatul fasli* sambil memastikan kaedah ini berkesan dalam meningkatkan pemerolehan bahasa pelajar.

Akhir sekali, perkaitan budaya *lughatul fasli* dalam pengajaran bahasa Arab tidak boleh diabaikan. Memahami dan menggabungkan elemen budaya *lughatul fasli* ke dalam pengalaman pembelajaran memperkayakan kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap bahasa Arab. Guru pelatih mesti mengemudi keseimbangan yang rumit antara mengajar bahasa dan menyampaikan konteks budaya, yang memerlukan bukan sahaja pengetahuan linguistik tetapi juga empati dan kesedaran budaya (Suboh, 2019).

Kesimpulannya, penggunaan *lughatul fasli* yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab memberikan cabaran yang pelbagai kepada guru pelatih. Ia menuntut kecekapan linguistik yang tinggi, strategi pedagogi yang inovatif, dan pemahaman mendalam tentang budaya. Menangani cabaran ini memerlukan pendekatan komprehensif yang merangkumi latihan bahasa yang komprehensif, pembangunan profesional keguruan dalam metodologi pengajaran, dan pengamatan budaya Arab-Melayu. Dalam usaha mengatasi halangan ini, guru pelatih dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan ketara dan memupuk pemahaman dan penghayatan bahasa yang lebih mendalam dalam kalangan pelajar. Pendekatan menyeluruh ini memastikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab melalui penggunaan elemen *lughatul fasli* bukan sahaja tepat dari segi bahasa tetapi juga memperkayakan budaya dan mantap dari segi pedagogi.

Seterusnya cabaran yang terakhir ialah tanggapan terhadap pelajar dalam mempraktikkan penggunaan *lughatul fasli* sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Halangan utama dalam memasukkan komponen *lughatul fasli* ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab adalah berkaitan dengan reaksi dan penglibatan pelajar. Isu ini boleh dibahagikan kepada tiga item utama: motivasi pelajar, halangan untuk memahami, dan penggabungan latihan bahasa.

Pertama sekali, motivasi pelajar adalah penting untuk pelaksanaan *lughatul fasli* yang berkesan dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Objektif utama dalam konteks ini adalah untuk memastikan bahawa proses pembelajaran adalah menarik dan berkaitan dengan minat dan objektif individu pelajar. Ini memerlukan penubuhan persekitaran pendidikan yang bukan sahaja memupuk penglibatan aktif tetapi juga menonjolkan kebolegunaan pragmatik dan kepentingan budaya penggunaan *lughatul fasli* di dalam kelas (Suboh, 2019; Jefridin, 2010). Cabarannya adalah dalam menyesuaikan kaedah pengajaran untuk menampung keperluan pelajar yang berbeza-beza, menjamin bahawa pelajar mengekalkan motivasi mereka sepanjang proses mereka memperoleh kemahiran bahasa.

Selain itu, kehadiran halangan pemahaman adalah merupakan salah satu halangan yang besar dalam kalangan pelajar. Pelajar mungkin menghadapi kesukaran apabila berhadapan dengan beberapa struktur tersendiri *lughatul fasli*, termasuk aspek leksikografi yang khusus, frasa khusus, dan struktur sintaksis, yang mungkin kurang penggunaan dalam kalangan pelajar sebelum ini. Bagi mengatasi halangan ini, adalah penting untuk menggunakan pendekatan pedagogi yang inovatif, seperti pembelajaran kontekstual, penggunaan bahan multimedia, dan pembelajaran berasaskan pengalaman, untuk menambah pemahaman dan mendorong pelajar untuk menggunakan *lughatul fasli* dengan lebih aktif (Baharudin & Abdullah, 2023). Guru pelatih menghadapi tugas mengenal pasti dan menangani cabaran pemahaman dengan segera dan berkesan, di samping mengubah suai pendekatan pengajaran mereka untuk menampung keperluan semua pelajar.

Pengintegrasian *lughatul fasli* ke dalam kurikulum adalah penting untuk pemerolehan bahasa dalam kalangan pelajar. Sehubungan dengan itu, tugas yang dihadapi oleh para guru pelatih ialah pembangunan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi nilai pendidikan dan rasa keseronokan dan kepentingan pelajar, seterusnya memupuk penglibatan yang konsisten dalam menggunakan *lughatul fasli*. Dalam usaha untuk mencapai kefasihan dan keyakinan dalam kalangan pelajar untuk menggunakan *lughatul fasli* memerlukan keseimbangan yang teliti antara pendidikan bahasa berstruktur dan penggunaan bahasa spontan.

Secara ringkasnya, isu tanggapan pelajar dalam penggunaan *lughatul fasli* dalam konteks pemerolehan bahasa Arab memerlukan strategi yang menyeluruh dan pelbagai. Guru pelatih berpotensi untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran dengan memupuk motivasi pelajar, menangani kesukaran pemahaman, dan mengintegrasikan penggunaan *lughatul fasli* secara berkesan. Pencapaian kejayaan dalam penggunaan *lughatul fasli* ini memerlukan daya cipta, kebolehsuaian dengan pelajar dan situasi, dan pemahaman yang mendalam tentang bahasa dan pelajar.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan melalui sesi temu bual separa berstruktur dengan menggunakan teknik kumpulan fokus, yang melibatkan guru-guru pelatih bahasa Arab di Universiti Pendidikan Sultan Idris, kajian ini memberikan pandangan mendalam tentang penggunaan *lughatul fasli* dalam pengurusan kelas. Melalui proses temu bual yang teliti dan analisis data yang komprehensif menggunakan perisian Atlas.ti, kajian ini mengenal pasti cabaran utama, inisiatif, dan harapan guru dalam menggunakan *lughatul fasli*. Salah satu dapatan penting adalah bahawa walaupun guru menghadapi kesulitan dalam mengintegrasikan *lughatul fasli* secara efektif, mereka juga menunjukkan kemampuan adaptasi dan kreativiti yang tinggi dalam mengatasi masalah tersebut. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat cabaran dalam penggunaan *lughatul fasli* untuk pengurusan kelas, dengan inisiatif yang tepat dan sokongan yang mencukupi, guru-guru dapat mengatasi halangan tersebut dan mencipta lingkungan kelas yang kondusif untuk pembelajaran.

RUJUKAN

- Asbullah, L. H., Aladdin, A., Lubis, M. A., & Sahrim, M. A. (2019). Strategi Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam Malaysia. *Gema Online Journal of Language Studies*.
- Baharudin, H., & Abdullah, N. H. (2023). The Arabic Teachers' Level of Nonverbal Communication Practise in" Lughatul Fasli. *Social Sciences*, 13(7), 333-344.
- Hashim, H., Bakar, K. A., & Ahmad, M. (2020). Penguasaan kosa kata bahasa arab menerusi pengetahuan makna dan penggunaannya. *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 21, 157-171.
- Izuddin, M. (2015). Meningkatkan Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Bilik Darjah Melalui Penggunaan Lughatul Fasli: Satu Tinjauan Awal. *Prosiding Persidangan kebangsaan Bahasa Arab*, 9-18.
- Jefridin, P. (2010). *Maklum Balas Guru Terhadap Respons Pelajar Semasa Pengajaran Bahasa Arab Tinggi: Satu Kajian*. Tesis Doktor Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Louwerse, M. (2001). *ELT News.com. Laman web untuk pengajaran Bahasa Inggeris di Jepun*, http://www.eltnews.com/features/kids_world/2001/06/encouraging_lassroom_language.html. Dicapai pada 17 Disember 2023.
- Ma'tuk, A. M. (1996). *al-Hasilat al-Lughawiyyat*. Kuwayt: al-Majlis al-Watani li al-Thaqafah wa al-Funun wa al-Adab.
- Mahadi, S. (2019). *Pengetahuan dan Sikap Guru dalam Penggunaan "Lughatul-Fasli"*. Bangi: Tesis Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maimun Aqsha, L., Zaffi, A., & Hanis Najwa, S. (2014). Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kurikulum Bu'Uth Al-Azhar Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(1), 51-61.
- Marzano, R. J., Pickering, D., & Pollock, J. E. (2001). *Classroom Instruction That Works: Research-Based Strategies For Increasing Student Achievement*. ISBN-0-87120-504-1.
- Mior Syazril, M. S. (2015). *Amalan menggunakan Lughatul-Fasl dalam pengajaran guru utama bahasa Arab sekolah rendah*. Kertas Projek UKM.
- Mohamad Ziyad & Saini A. D. (2015). Amalan Menggunakan Lughat Al-Fasl Di Kalangan Guru Bahasa Arab. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab (NCAL2015)*.
- Mustafa Kamal, N. M., Hussin, Z. & Sulaiman, A. M. (2022). Pendekatan heutagogi: Persepsi Murid terhadap Pentaksiran Rakan sebaya. *International Journal of Education and Pedagogy*, 4(1), 114-129.
- Norsariha, C. & Aliza, A. (2022). Halangan Utama Guru Pendidikan Khas Menjalankan Pengajaran dalam Talian Sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5).
- Rosni, S. (2007). Penggunaan internet dalam pengajaran bahasa: Kajian terhadap bahasa Arab komunikasi pelancongan. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 1(2), 83-95.

- Suboh, M. (2019). *Pengetahuan dan sikap guru dalam penggunaan lughatul-fasli'*. Disertasi UKM, Bangi.
- Yaakob, H., Mohamad Ziyad, M., Md Noor, H., Idi, H. & Mohd Reduan. (2018). Amalan Penggunaan Lughat al-Fasl dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di Malaysia. *5th International Research Management & Innovation Conference*. Putrajaya.
- Yakob, M. H. (2023). Use of Lughatul Fasli among Arabic Language Training Teachers at Sultan Idris Education University. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 4(2), 99-106.
- Zuraidah, A., Zulkifli A. Manaf, Nik Mustafa, M. A., & Mohammad Ismath, R. (2016). Perneriksaan guru Bahasa Melayu melalui penyeliaan kembang tumbuh dan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) di lima sekolah menengah daerah Kuala Lipis. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(2), 42-59.